

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 21 OKTOBER 2015 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	YIM bantu Perak bangunkan pusat komersial inovasi	Utusan Malaysia
2.	MIMOS harap ada peruntukan bangunkan ICT	Berita Harian
3.	Pembenihan awan setiap hari	Utusan Malaysia
4.	Tiada jerebu kuning	Harian Metro
5.	Jerebu kuning mampu ancam kesihatan pesakit kronik	KOSMO
6.	'Jerebu kuning' tidak benar	Utusan Malaysia
7.	Haze may end when monsoon starts	The Star
8.	Typhoons will affect rainfall in Malaysia	The Sun
9.	Northeast monsoon to end the haze?	New Straits Times
10.	MKN tingkatkan pengurusan SOP banjir	BERNAMA
11.	Incorporating women in leadership roles	New Straits Times

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 21**  
**TARIKH: 21 OKTOBER 2015 (RABU)**

## YIM bantu Perak bangunkan pusat komersial inovasi

**IPOH 20 Okt.** - Kerajaan negeri menerusi Institut Darul Ridzuan (IDR) dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi membantu Perak membangunkan pusat pembangunan dan pengkomersialan inovasi inklusif di negeri ini.

Pusat yang juga dikenali sebagai I2D2 itu dijangka menyelaraskan dan melaksanakan program-program yang berupaya membantu memperkasakan komuniti yang terpinggir melalui penggunaan inovasi tempatan.

Pengarah Program Berimpak Tinggi 6 (HIP 6) YIM, Abdul Razak Ahmad berkata, kedua-dua pihak akan bekerjasama bagi merealisasikan matlamat kerajaan negeri mencapai pertumbuhan inklusif mampan terutamanya menggunakan inovasi tempatan.

"Melalui kerjasama dengan IDR, YIM berharap dapat membantu negeri ini meletakkan ekosistem penting yang diperlukan bagi membantu perekacipta dan pengkomersialan inovasi mereka," katanya selepas menghadiri majlis menandatangani MoU itu yang berlangsung dalam Dialog Pembangunan Antarabangsa Pangkor (PIDD) di sini hari ini.

Terdahulu, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir menyaksikan majlis menandatangani MoU tersebut yang ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif YIM, Muhammad Aziph Datuk Mustapha dengan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Darul Ridzuan (IDR), Dr. Mazalan Kamis.

Tambah Abdul Razak, pihaknya menasaskan untuk melengkapkan fasa pertama pada akhir 2016 dan kemudiannya akan memulakan fasa kedua pada tahun 2017.

"Fasa kedua itu akan memberi tumpuan pada peringkat pengkomersialan," katanya.

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah melantik YIM sebagai peneraju dalam usaha memotivasi, mengenal pasti, menyiasat, menerima pakai, menaik taraf, mengembangkan dan menyediakan program-program inovasi inklusif secara berterusan.

Objektif YIM adalah untuk menangani jurang dalam kalangan penduduk Malaysia dari segi pendapatan dan akses kepada keperluan asas seperti pendidikan, kesihatan, sumber kewangan dan banyak lagi.

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B4  
TARIKH : 21 OKTOBER 2015 (RABU)

## MIMOS harap ada peruntukan bangunkan ICT

**MIMOS Bhd** berharap Bajet 2016 yang akan dibentangkan Jumaat ini akan memberi tumpuan dalam pembangunan syarikat teknologi tempatan, khususnya dalam bidang pengkomersialan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata MIMOS sebagai agensi strategik di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bertanggungjawab dalam memacu industri ICT di negara ini ke peringkat lebih tinggi dengan tumpuan kepada pengkomersialan teknologi.

"Kita faham peruntukan adalah terhad, namun diharapkan akan ada peruntukan dibelikan ke arah membangunkan industri teknologi tempatan," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

### Tingkat inovasi

Beliau berkata, peruntukan diperlukan untuk meningkatkan inovasi dalam kalangan syarikat teknologi tempatan yang mana menerusinya akan memberi nilai tambah yang tinggi kepada negara.



Abdul Wahab

Katanya, inovasi juga akan membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan untuk terus berkembang dan menjadi lebih berdaya saing.

"Malah, inovasi juga membolehkan PKS mengeksport produk mereka ke luar negara dan bersedia untuk bersaing dengan syarikat asing lain," katanya.

### Sedia bekerjasama

Sementara itu, Wahab berkata, MIMOS bersedia untuk bekerjasama dengan PKS di negara ini dalam menggalakkan perkem-

bangun teknologi tempatan.

Beliau berkata, pihaknya mempunyai kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk ICT yang boleh digunakan PKS untuk membangunkan teknologi.

MIMOS yang ditubuhkan pada 1985 di bawah Jabatan Perdana Menteri melesenkan platform teknologinya kepada syarikat ICT yang layak untuk memantapkan kemampuan mereka bersaing di peringkat global dan mengangkat industri ICT Malaysia ke peringkat lebih tinggi.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 07**  
**TARIKH: 21 OKTOBER 2015 (RABU)**

## Pembenihan awan setiap hari

**KUALA LUMPUR 20 Okt.** - **Jabatan Meteorologi** bersama-sama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mempergiatkan operasi pembenihan awan setiap hari bagi membantu mengurangkan keadaan jerebu yang semakin teruk melanda negara ketika ini.

Timbalan Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Ogu Salim Omar berkata, sejak dilaksanakan pada Mac lalu, sebanyak 65 operasi pembenihan awan telah dilakukan di beberapa negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Katanya, operasi itu dijalankan secara berterusan oleh kedua-dua agensi itu bagi memastikan kualiti udara di negara ini kembali seperti sediakala.

"Arahan telah dikeluarkan kepada agensi berkenaan bagi melaksanakan operasi pembenihan awan

secara kerap setiap hari tetapi bergantung kepada keadaan cuaca untuk penerbangan serta kewujudan awan yang bersesuaian.

"Operasi ini dilakukan bergantung kepada keadaan cuaca untuk penerbangan serta kewujudan awan kumulonimbus. Pembenihan awan akan diteruskan sehingga keadaan jerebu kembali pulih seperti sediakala," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis menyambut kepulangan pesawat Bombardier CL-415 MP dan helikopter AS 365 N3 Dauphin milik Agensi Penguatkuasaan Mar-



**OGU SALIM OMAR**

itim Malaysia (Maritim Malaysia) yang terlibat dalam misi memadam kebakaran di Sumatera Selatan di sini hari ini.

Keadaan jerebu yang melanda negara bermula Ogos lalu bertambah serius sejak tiga hari lalu sehingga menyebabkan sesi persekolahan di beberapa negeri terpaksa ditutup, selain turut menjelaskan sektor lain termasuk industri penerbangan.

Masalah tersebut berpunca daripada pembakaran terbuka di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia sehingga memberi kesan terhadap rakyat negara ini yang terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah termasuk kesihatan dan sebagainya.

KERATAN AKHBAR  
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 10  
 TARIKH : 21 OKTOBER 2015 (RABU)

PELANCONG dari Los Angeles, Joey Ventura merakam selfie berhadapan Menara Berkembar Kuala Lumpur di Persiaran KLCC.



GRADUAN Kolej Universiti Insaniah (KUII) bergambar berlatar belakang pemandangan yang kelihatan kabur di Baling, Kedah.



ORANG awam berjalan di sekitar Kuching.



# TIADA JEREBU KUNING

■ Gambar viral di WhatsApp dipercayai berlaku di Indonesia



Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad  
 mriduwan@hmetro.com.my  
 Kuala Lumpur

Penyebaran gambar 'jerebu kuning' yang menjadi viral menerusi aplikasi WhatsApp dipercayai berlaku di Indonesia dan bukan di negara ini.

Perkara itu disahkan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar ketika dihubungi Harian Metro, semalam bagi mendapatkan penjelasan berhubung viral yang menimbulkan pelbagai dakwaan orang ramai termasuk mendakwa Jabatan Alam Sekitar me-

nyembunyikan fakta sebenar mengenai Indeks Pencemaran Udara (IPU) semasa.

Menurut Wan Junaidi, pihaknya tidak menerima sebarang maklumat rasmi daripada JAS mahupun Jabatan Meteorologi berhubung jerebu dimaksudkan.

"Tidak ada maklumat berita sama ada jerebu kuning atau jerebu merah. Saya sendiri berbincang dan bertanya dengan JAS dan dimaklumkan oleh Ketua Pengarahnya (Datuk Halimah Hassan) mengenainya.

"Saya difahamkan, jerebu atau asap kuning itu dari Palangka Raya, Kalimantan, Indonesia, namun tiada pengesahan rasmi mengenainya dari Indonesia," katanya ketika dihubungi, semalam.

Bagaimanapun, beliau mengarahkan JAS memantau perkembangan termasuk kemungkinan perubahan

komposisi jerebu di negara ini terutama di Pelabuhan Klang, Shah Alam dan Sunway.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pihaknya menghubungi Menteri Luar Indonesia memohon supaya pesawat jenis Bombardier CL 415 MP Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang membantu memadamkan kebakaran di Kalimantan dan Sumatera dikekalkan.

"Pada masa sama pesawat terbabit perlu dibawa balik ke Malaysia untuk penyelenggaraan. Saya sudah maklumkan kepada Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Luar untuk meneliti perkara ini," katanya.

Sementara itu, dalam kenyataannya, JAS memberitahu IPU adalah petunjuk status kualiti udara semasa sama ada baik, sederhana, tidak sihat, sangat tidak sihat atau ber-

bahaya dengan mengambil kira tempoh pendedahan pencemar udara kepada kesihatan awam.

Katanya, di Malaysia, IPU adalah pengukuran kesan kepekatan lima pencemar udara utama (habuk halus bersaiz kurang daripada 10 mikrometer (PM10), CO, sulfur dioksida (SO<sub>2</sub>), nitrogen dioksida (NO<sub>2</sub>) dan ozon di permukaan bumi (O<sub>3</sub>) terhadap kesihatan manusia yang normal dan dalam jangka masa pendedahan tertentu.

"Hasil pemantauan oleh JAS sepanjang jerebu ini, bacaan kepekatan karbon monoksida (CO) adalah rendah dan kurang daripada 'Recommended Malaysia Air Quality Guidelines' iaitu di bawah 30 ppm (1 jam) atau 35 mikrogram per meter padu (1 jam).

"Oleh itu, ia tidak menyebabkan fenomena jerebu berwarna kuning," katanya.

WANITA kaum Cina memakai topeng muka ketika melakukan senaman Qigong di Taman Tasik Shah Alam.



DUA wanita bersefif di hadapan Stadium Shah Alam ketika jerebu.

